

**GARIS PANDUAN  
PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH  
PROGRAM DIPLOMA PERGURUAN LEPAS IJAZAH**

**1. KONSEP**

Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) bagi pelajar Program Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI) Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia dapat memberi kefahaman awal kepada pelajar tentang alam persekolahan daripada perspektif seorang guru. PBS juga memberi peluang kepada pelajar memahami sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan, peranan guru di dalam bilik darjah melalui pemerhatian, penelitian dokumen, refleksi dan interaksi dengan guru serta komuniti sekolah. Melalui PBS pelajar dapat memahami sistem pengurusan sekolah, tingkah laku murid, pengurusan bilik darjah dan tugas sebenar seorang guru.

**2. OBJEKTIF**

Melalui PBS pelajar dapat :-

- i. memahami dan menyesuaikan diri dengan budaya sekolah;
- ii. menghayati kerjaya seorang guru;
- iii. memperoleh pengetahuan tentang pengurusan sekolah;
- iv. mendapat pendedahan awal tentang pembelajaran murid;
- v. memahami pengurusan dan strategi pengajaran dan pembelajaran;
- vi. membina kemahiran berinteraksi dengan warga sekolah;
- vii. mengumpul maklumat tentang pengurusan sekolah, iklim pengajaran dan pembelajaran serta budaya sekolah;
- viii. membina kemahiran inkuiri penemuan dan kemahiran berfikir secara kritis dan analitikal;
- ix. membina sikap positif terhadap profesion keguruan;
- x. membuat refleksi mengenai tugas dan tanggungjawab guru; dan
- xi. mendokumentasikan pengalaman yang dilalui untuk perbincangan semasa sesi refleksi bersama jabatan/pensyarah kursus major selepas PBS dilaksanakan.

### **3. STRATEGI PELAKSANAAN**

#### **(i) Tempoh**

Tempoh pelajar menjalani PBS adalah selama 2 minggu.

#### **(ii) Penempatan**

Pelajar ditempatkan di sekolah rendah dan diuruskan oleh Unit Praktikum Institut Pendidikan Guru (IPG) dengan kerjasama Penyelaras DPLI dan jabatan kursus major. Penempatan hendaklah mengambil kira keperluan dan kesesuaian pengajian.

#### **(iii) Prosedur Pelaksanaan**

- a) IPG memaklumkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) yang berkaitan tentang PBS.
- b) IPG memaklumkan kepada pihak sekolah tentang penempatan pelajar dan pelaksanaan PBS.
- c) IPG melaksanakan penyebaran maklumat tentang pengurusan dan pelaksanaan PBS kepada pelajar.
- d) IPG menyediakan dokumen-dokumen yang berkaitan untuk pelaksanaan PBS.
- e) Jabatan kursus major menyediakan tugas dan panduan pelaksanaan aktiviti PBS kepada pelajar (Rujuk Lampiran 7B).
- f) Pelajar dikehendaki melaksanakan tugas yang ditetapkan. **Tiada tugas lain diberikan kepada pelajar selain tugas yang telah ditetapkan.**
- g) Hasil tugas PBS dibincangkan bersama jabatan/pensyarah kursus major semasa sesi refleksi selepas PBS.
- h) Penilaian PBS merupakan 10 % daripada markah kerja kursus major yang menyediakan tugas PBS.

### **4. KEHADIRAN**

- a) Pelajar diwajibkan hadir 100% semasa PBS.
- b) Pelajar yang tidak cukup kehadiran atas sebab berikut perlu melengkapkan tempoh PBS yang ditetapkan :-
  - i. Pelajar yang tidak hadir kerana sakit atau cedera perlu surat pengesahan doktor/pegawai perubatan.
  - ii. Lain-lain sebab dengan kebenaran Pengarah IPG/Pengetua/Guru Besar.

- c) Kehadiran yang kurang daripada 100% tanpa sebab atau tanpa kebenaran, kesnya akan dirujuk kepada pihak berkuasa tatatertib IPG untuk diambil tindakan.

## 5. SYARAT PENYEMPURNAAN PBS

Pelajar yang mengikuti PBS perlu memenuhi keperluan berikut :-

- a) Kehadiran 100%;
- b) Menyempurnakan tugas;
- c) Melengkapkan Portfolio.

## 6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

### (i) Pelajar

- a) Menghadiri taklimat;
- b) Memahami, menghayati dan berusaha mencapai objektif PBS;
- c) Menulis pernyataan profesional (Rujuk Lampiran 1);
- d) Hadir ke sekolah dan melengkapkan borang kehadiran serta mendapatkan pengesahan pihak sekolah (Rujuk Lampiran 8);
- e) Mematuhi dan mengamalkan etika keguruan, peraturan IPG dan peraturan sekolah;
- f) Membina hubungan profesional dengan warga sekolah;
- g) Pelajar dikehendaki memperoleh maklumat umum dan iklim pembelajaran di bilik darjah, persekitaran dan kelengkapan sekolah (Rujuk Lampiran 7A);
- h) Menulis refleksi bagi setiap aktiviti yang dilaksanakan (Rujuk Lampiran 5 dan Lampiran 6);
- i) Mendokumentasikan segala hasil aktiviti dan hasil refleksi secara berterusan dalam portfolio individu (Rujuk Lampiran 2 dan Lampiran 3) ;
- j) Berbincang dengan pihak sekolah tentang aktiviti yang dilaksanakan di sekolah (Rujuk Lampiran 4);
- k) Melaksanakan tugas PBS yang telah ditentukan (Rujuk Lampiran 7B dan panduan yang disediakan oleh jabatan kursus major);
- l) Menyerahkan Portfolio PBS kepada jabatan/pensyarah kursus major 2 minggu selepas tamat tempoh PBS;

- m) Hasil tugas PBS dibincangkan bersama jabatan/pensyarah kursus major semasa sesi refleksi selepas PBS.

**(ii) Sekolah**

- a) Memahami, menghayati dan bekerjasama dengan pihak IPG ke arah pencapaian objektif PBS;
- b) Bekerjasama dalam memberi maklumat kepada pelajar tentang sejarah, struktur organisasi, pengurusan, peraturan, disiplin, budaya sekolah dan lain-lain;
- c) Memberi peluang kepada pelajar membuat pemerhatian persekitaran sekolah/pengajaran/aktiviti guru;
- d) Membantu pelajar menyesuaikan diri dalam komuniti sekolah dan meningkatkan amalan serta nilai profesian keguruan;
- e) Mengawasi disiplin dan kehadiran pelajar sepanjang tempoh PBS dan mengesahkan Borang Kehadiran (Rujuk Lampiran 8). Pihak sekolah diminta menghubungi IPG sekiranya terdapat kes-kes disiplin;
- f) Melengkapkan Borang Laporan Perkembangan Pelajar (Rujuk Lampiran 9) dan menghantar ke IPG dalam tempoh 2 minggu selepas tamat tempoh PBS;
- g) Memberi bimbingan dan maklum balas yang berterusan kepada pelajar;
- h) Memastikan segala tindakan berkaitan dengan pelaksanaan PBS dilaksanakan dengan sempurna.

**iii) Jabatan/Pensyarah Kursus Major**

- i. Memahami, menghayati dan melaksanakan PBS mengikut Garis Panduan PBS;
- ii. Memastikan tugas PBS disediakan dan maklumat pelaksanaan disebarluaskan kepada pelajar;
- iii. Memastikan pelajar melaksanakan tugas PBS;
- iv. Menerima dan mengumpul Portfolio PBS;
- v. Menyemak dan memeriksa tugas pelajar serta mengadakan sesi refleksi selepas PBS tamat.
- vi. Memberikan markah penilaian terhadap portfolio dan penglibatan pelajar semasa sesi refleksi.
- vii. Markah pelajar diambil 10 % sebagai markah kerja kursus major yang menyediakan tugas PBS.

## **PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH PANDUAN MENULIS PERNYATAAN PROFESIONAL**

### **1. Pengenalan**

Pernyataan profesional merujuk kepada harapan/aktiviti yang ditetapkan sendiri oleh pelajar untuk dilaksanakan dalam tempoh PBS. Fokus tertentu perlu ditetapkan oleh pelajar dalam melaksanakan aktiviti tersebut bagi mencapai objektif yang diharapkan. Setiap fokus aktiviti hendaklah dapat diukur dan dinilai sendiri oleh pelajar di peringkat akhir.

### **2. Tujuan Pernyataan Profesional**

- i. Menyatakan fokus aktiviti yang hendak dilaksanakan dengan jelas.
- ii. Membantu pelajar merancang strategi pelaksanaan aktiviti yang difokuskan dengan sistematik.
- iii. Membolehkan pelajar mengukur dan menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti yang difokuskan.
- iv. Menjadi asas dan panduan kepada pelajar untuk membuat tindakan susulan/penambahbaikan.

### **3. Pernyataan Profesional**

- i. Sebelum PBS
  - Kenal pasti fokus utama aktiviti
  - Tujuan aktiviti
  - Merancang strategi pelaksanaan
  - Instrumen penilaian kendiri
- ii. Semasa PBS
  - Melaksanakan aktiviti/strategi yang dirancang
  - Mengumpul data
  - Merekod
- iii. Selepas PBS
  - Menganalisis data
  - Menilai
  - Melapor

### **4. Penilaian Kendiri Terhadap Pernyataan Profesional**

- Pencapaian objektif
- Cadangan tindakan susulan/penambahbaikan

**PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH  
PANDUAN PENYEDIAAN PORTFOLIO**

**1. Pengertian Portfolio**

- i. Portfolio atau profil profesional merupakan koleksi dokumen yang memberi gambaran tentang seorang profesional dari segi:-
  - Pengetahuan
  - Kemahiran
  - Pengalaman
  - Kelayakan
  - Matlamat dan pencapaian
- ii. Satu bentuk sejarah pencapaian pelajar yang didokumentasikan dan diperkuuhkan dengan bukti-bukti hasil kerjanya dan kesedaran baru melalui penulisan reflektif. (Shulman,1992).

**2. Tujuan Portfolio**

- i. Membudayakan proses pengumpulan maklumat dan dokumen secara sistematik dan profesional;
- ii. Mendokumentasikan kemahiran dan pengetahuan melalui pengalaman dalam PBS;
- iii. Memberi ruang kepada pelajar membuat refleksi dan mendapat pengetahuan dan pengalaman baru;
- iv. Sebagai landasan komunikasi antara pelajar dan jabatan/pensyarah kursus major untuk menilai perkembangan profesionalisme pelajar.

**3. Ciri-Ciri Portfolio**

- i. Dihasilkan sendiri oleh pelajar dengan menampilkan ciri-ciri kreativiti dan inovasi ;
- ii. Mengandungi maklumat yang pelbagai dan dikemaskini;
- iii. Mengandungi maklumat yang menggambarkan proses pelaksanaan, perkembangan dan penilaian dalam melaksanakan setiap tugas;
- iv. Hasil akhir portfolio menunjukkan pelajar terlibat dengan refleksi kendiri.

**4. Tanggungjawab Pelajar Dalam Penyediaan Portfolio**

Pelajar perlu menyediakan portfolio berdasarkan Senarai Semak Penyediaan Portfolio yang ditetapkan (Rujuk Lampiran 3).

**LAMPIRAN 3**

**PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH**  
**SENARAI SEMAK PENYEDIAAN PORTFOLIO**

Bil	Tajuk	Item	Tandakan (✓)
1.	Biodata (ditulis dalam helaian berasingan)	1.1) Nama	
		1.2) No. Kad Pengenalan	
		1.3) Major dan Ambilan	
		1.4) Tarikh PBS	
		1.5) Gambar	
2.	Pernyataan Profesional (Lampiran 1)	2.1) Pernyataan sebelum PBS	
		2.2) Laporan pelaksanaan aktiviti yang difokuskan	
3.	Instrumen Pengumpulan Data Berhubung Tugasan (yang mana sesuai mengikut keperluan)	3.1) Pemerhatian	
		3.2) Temu bual	
		3.3) Soal selidik	
		3.4) Lain-lain instrumen (Sila nyatakan) .....	
		4.1) Perbincangan dengan pengurusan sekolah	
4.	Kolaborasi (Lampiran 4)	4.2) Perbincangan dengan guru-guru	
		4.3) Perbincangan dengan kakitangan sekolah	
		4.4) Interaksi dengan murid	
		4.5) Lain-lain (Sila nyatakan) .....	
		5.1) Pemerhatian	
5.	Ilmu/Pengetahuan Baru Melalui Kaedah (yang mana sesuai mengikut keperluan)	5.2) Temu bual	
		5.3) Soal selidik	
		5.4) Lain-lain instrumen (Sila nyatakan) .....	
		6.1) Aktiviti	
		6.2) Perbincangan/Interaksi	
7.	Laporan Akhir		

Ulasan Pensyarah: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Tandatangan \_\_\_\_\_ Nama \_\_\_\_\_ Tarikh \_\_\_\_\_

**LAMPIRAN 4**

**PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH  
REKOD KOLABORASI/INTERAKSI/PERBINCANGAN**

Tarikh : \_\_\_\_\_ Masa : \_\_\_\_\_

Nama Individu Yang Ditemui: \_\_\_\_\_

Tajuk/Perkara : \_\_\_\_\_

Isi Perbincangan	Cadangan Tindakan

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

## **PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH PENULISAN REFLEKSI**

### **1. Definisi Refleksi**

- Proses merenung, menganalisis, mencari alasan, cadangan dan tindakan untuk membaiki diri yang dilakukan secara berterusan. (Hanipah, 1999)
- Amalan refleksi merupakan perlakuan memikirkan semula pengalaman pelajar. Ia memerlukan penerokaan unsur-unsur yang ketara dan tersirat. Proses ini membuat andaian sebab musabab berasaskan fakta – pemerhatian, temu bual dan soal selidik.
- Refleksi dalam PBS membolehkan pelajar dibimbing untuk menaakul, memilih strategi pelaksanaan tugas dan seterusnya membuat penilaian kendiri. Amalan refleksi ini membolehkan pelajar menghayati dan meningkatkan profesionalisme keguruan secara efektif.

### **2. Tujuan Refleksi**

- Pelajar dapat mengesan keberkesanan pelaksanaan setiap tugas yang dilaksanakan.
- Pelajar dapat menjadikan refleksi sebagai asas untuk menambahbaik dan meningkatkan kualiti setiap tugas secara berterusan.
- Memperkembangkan potensi pelajar bagi melahirkan kreativiti dan inovasi dalam setiap tugas yang dijalankan.
- Meningkatkan kualiti insan guru yang mempunyai ilmu profesional keguruan.

### **3. Ciri-ciri Refleksi**

- Bermula dengan mengingat kembali
- Melibatkan perasaan (domain afektif) terhadap sesuatu
- Menentukan usaha secara sedar (*conscious effort*)
- Bersedia mengubah sikap, kesedaran diri, amalan dan tingkah laku positif

### **4. Amalan Refleksi/Penilaian Kendiri Dalam PBS**

Refleksi ialah proses mengkaji semula keberkesanan pelaksanaan PBS oleh pelajar sendiri untuk mempertingkatkan kemahiran keguruan. Antara garis panduan yang boleh dilaksana ialah :-

4.1 Hendaklah dibuat selepas setiap aktiviti yang dijalankan oleh pelajar seperti membincangkan:

- Sejauh manakah objektif aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan tercapai?
- Apakah kekuatan dan kelemahan yang dapat dikenal pasti ?
- Apakah langkah-langkah yang boleh difikirkan untuk membaiki pelaksanaan aktiviti tersebut ?
- Apakah faktor-faktor yang dapat membantu dalam meningkatkan atau menambah baikkan pelaksanaan aktiviti tersebut ?

4.2 Melaksanakan proses refleksi berpandukan format refleksi seperti di Lampiran 6.

**LAMPIRAN 6**

**PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH  
AMALAN REFLEKSI**

( *Perlu disediakan bagi setiap aktiviti yang dijalankan oleh pelajar*)

1. Isu/Perkara yang difokuskan:

2. Analisis Isu/Perkara yang difokuskan:

2.1 Kekuatan:

2.2 Kelemahan:

3. Cadangan Penambahbaikan:

*(Sila simpan maklumat ini di dalam portfolio anda)*

**LAMPIRAN 7A****MAKLUMAT UMUM SEKOLAH**

1. ARAHAN: Lengkapkan maklumat yang disenaraikan dalam borang berikut :-

Bil	Perkara	Catatan/data				
1	Nama dan Alamat Sekolah					
2	No. Telefon Sekolah					
3	Alamat e-mail/Web Sekolah					
4	Lokasi (Bandar/Luar Bandar)					
5	Nama Guru Besar					
6	Nama GPK Pentadbiran					
7	Nama GPK HEM					
8	Nama GPK Kokurikulum					
9	Nama Penyelia Petang					
10	Gred Sekolah/Band					
11	Bilangan Guru	Lelaki: Perempuan:				
12	Kelayakan Profesional Guru	Siswazah:  Bukan Siswazah:				
13	Bilangan Kelas					
14	Purata Saiz Kelas (Bil. Pelajar)					
15	Jumlah Murid  		Melayu	Cina	India	Lain-lain
		Lelaki				
		Perempuan				
16	Maklumat-maklumat lain yang menarik perhatian anda tentang sekolah ini					

**2. Persekutaran dan Iklim Bilik Darjah (Gunakan helaian tambahan jika perlu)**

- i. Lukiskan pelan bilik darjah yang anda bersama membantu guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran .
- ii. Huraikan bagaimakah bahan dan sumber pengajaran dan pembelajaran dipamerkan di bilik darjah tersebut digunakan secara berkesan.
- iii. Catatkan bahan dan sumber pengajaran dan pembelajaran yang mudah digunakan oleh murid.
- iv. Adakah murid diberi peluang menggunakan sumber pembelajaran yang berasaskan ICT ?.
- v. Sejauh manakah murid digalakkan melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran ?.
- vi. Kenal pasti cara murid-murid dibahagikan dalam kumpulan-kumpulan tertentu.

**FORMAT TUGASAN PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH**

1. Tugasan berdasarkan pro forma kursus yang ditawarkan.
2. Menyatakan objektif tugasan yang hendak dicapai dengan jelas
3. Kandungan tugasan yang dicadangkan :-
  - i. Aktiviti yang diberikan mestilah melibatkan tugasan yang berkaitan dengan bidang pengkhususan.
  - ii. Fokus aktiviti ialah :-
    - berkaitan pro forma kursus
    - ada unsur pemerhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran
    - melibatkan aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah
    - mengenai persekitaran sekolah (termasuk iklim dan budaya sekolah)
    - meliputi sumber pengajaran dan pembelajaran
    - meliputi strategi pengajaran dan pembelajaran/kemahiran mengajar
    - amalan refleksi
4. Format Penulisan Laporan Aktiviti PBS
  - i. Format penulisan aktiviti PBS adalah seperti berikut : -
    - Font Arial
    - Saiz huruf ialah 12
    - Langku satu setengah baris
    - Rujukan mengikut format A.P.A.
    - Lampiran
  - ii. Panjang penulisan aktiviti ditentukan oleh jabatan kursus major yang memberi tugas.
  - iii. Tarikh penyerahan penulisan aktiviti adalah 2 minggu selepas tamat tempoh PBS.
5. Refleksi selepas PBS dikendalikan oleh Jabatan/Pensyarah kursus major yang berkenaan.
6. Tiada tugas lain diberikan kepada pelajar selain aktiviti yang telah ditetapkan.



INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS \_\_\_\_\_

**BORANG KEHADIRAN  
PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH**

Sekolah : \_\_\_\_\_

Alamat Sekolah : \_\_\_\_\_

Tarikh PBS : \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

Bil	Nama Pelajar	No. K.P	Major	Tarikh											
1															
2															
3															
4															
5															
6															

Catatan:

\* Ketidakhadiran mesti disertakan dengan sijil/kenyataan cuti sakit atau surat kebenaran Pengarah IPG/Pengetua/Guru Besar

Tandatangan Pelajar : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

No. Telefon Bimbit dan Emel : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Pengesahan Pengetua/Guru Besar:

Tandatangan \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

**Cop Sekolah**

**LAMPIRAN 9****PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH  
LAPORAN PERKEMBANGAN PELAJAR**  
*(Diisikan oleh Pengetua/Guru Besar)*

Nama Pelajar : \_\_\_\_\_ No. K.P. : \_\_\_\_\_

Major : \_\_\_\_\_ Ambilan : \_\_\_\_\_

Aspek		Tandakan (✓)		Ulasan
		Sederhana	Baik	
Sahsiah dan Perwatakan	a) Penampilan diri			
	b) Pekerti			
	c) Keprihatinan			
	d) Sifat/Peribadi sebagai pendidik			
Komunikasi Berkesan:	a) Berinteraksi secara beretika			
	b) Keupayaan memerhati, berbincang dan membuat refleksi			
	c) Berupaya menyampaikan idea secara berkesan			
Budaya Profesional Guru:	a) Berupaya membina hubungan positif dengan warga sekolah			
	b) Sentiasa berusaha untuk mendapatkan ilmu, bimbingan dari mentor dan guru-guru lain			
	c) Komited terhadap tugas yang diberikan oleh IPG			

Tandatangan Pengetua/Guru Besar \_\_\_\_\_ Tarikh \_\_\_\_\_

